

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENDAPAT JURUAUDIT
SEHUBUNGAN DENGAN MASALAH USAHA
BERTERUSAN**

oleh

BAMBANG HARTADI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi ijazah
Doktor Falsafah**

Jun 2006

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENDAPAT JURUAUDIT
SEHUBUNGAN DENGAN MASALAH USAHA
BERTERUSAN**

BAMBANG HARTADI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2006

SUSUNAN KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iv
SUSUNAN KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
BAB I	PENDAHULUAN
1.0	Latar Belakang 1
1.1	Perumusan Masalah 5
1.2	Persoalan Kajian 7
1.3	Objektif Kajian 7
1.4	Kepentingan Kajian 8
1.5	Sumbangan Kajian 9
1.6	Istilah Utama 10
1.7	Ringkasan 12
BAB II	SOROTAN KARYA
2.0	Pendahuluan 13
2.1	Sejarah Perkembangan Profesion Akauntan Di Indonesia 13
2.2	Definisi usaha berterusan 19
2.3	Piawai pengauditan Terhadap Andaian Usaha berterusan 20
2.4	Pertimbangan Pengauditan dalam Usaha Berterusan 22
2.5	Jenis Pendapat Audit Yang Boleh Dikeluarkan Sehubungan Dengan Masalah Usaha berterusan 24
2.6	Piawai Pengauditan Berhubung Dengan Usaha Berterusan di Beberapa Negara 32
2.7	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Usaha Berterusan dan Pendapat Juruaudit 41
2.8	Ringkasan 43
BAB III	PERTIMBANGAN DAN PROSES KEPUTUSAN
3.0	Pendahuluan 44
3.1	Pengauditan Sebagai Suatu Proses Keputusan 44
3.2	Sumber Kesalahan Pertimbangan 47
3.3	Teori Keputusan Behaviour 49
3.4	Model Lensa (Lens Model) 50
3.5	Konsensus Juruaudit dalam Pendapat Usaha Berterusan 54
3.6	Ringkasan 58

BAB IV	KERANGKA TEORETIKAL DAN HIPOTESIS	
	4.0	Pendahuluan 59
	4.1	Kerangka Teori 61
	4.3	Ringkasan 72
BAB V	KAEDAH KAJIAN	
	5.0	Pendahuluan 74
	5.1	Deskripsi Pembolehubah 74
	5.2	Ujian Perintis 76
	5.3	Eksperimen 85
	5.4	Model dan Kaedah Statistik 94
	5.5	Definisi Pembolehubah 96
	5.6	Ringkasan 96
BAB VI	HASIL PENGUJIAN	
	6.0	Pendahuluan 97
	6.1	Prosedur Pelaksanaan Eksperimen 97
	6.2	Analisis Deskripsi 103
	6.3	Pengujian Hipotesis 122
	6.4	Kesimpulan 149
BAB VII	PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI	
	7.0	Pendahuluan 151
	7.1	Ringkasan 154
	7.2	Implikasi 158
	7.3	Limitasi dan Saranan Untuk Kajian Masa Hadapan 161
	RUJUKAN	163
	LAMPIRAN-LAMPIRAN:	
	A	Contoh Kasus
	B	Uji Reliabilitas
	C	Deskripsi statistik
	D	Pengujian Serentak
	E	Uji korelasi <i>Bivariate</i>
	F	DEPARTEMEN KEUANGAN REPUBLIK INDONESIA
	G	IKATAN AKUNTAN INDONESIA

SENARAI JADUAL

Jadual

2.1	Tahun Dan Bilangan Ahli Akauntan Indonesia Tahun 1960-2005	15
2.2	Umur Dan Bilangan Ahli IAI	16
2.3	Jawatan Yang Dipegang Oleh Ahli IAI Dan Bilangannya	16
2.4	Keadaan Yang Mempengaruhi Pendapat Juruaudit	26
2.5	Kajian Terdahulu yang Berhubungan Dengan Faktor-Faktor Usaha Berterusan Entiti	42
5.1	Hasil Pengujian Analisis Reliabiliti	85
5.2	Reka Bentuk Faktorial	88
5.3	Bahagian Reka Bentuk Faktorial Terhadap Kombinasi Kes Senario	89
5.4	Kombinasi Kes Senario	90
5.5	Uji Perbezaan Jawapan Subyek (3-4 tahun dan lebih dari 4 tahun)	93
6.1	Perincian Pengumpulan Data	98
6.2	Profil Subjek	100
6.3	Sebab Mengapa Data Gagal Dikumpulkan	102
6.4	Wilcoxon Sign Rank test	104
6.5	Perbezaan Antara klasifikasi Subjek Dengan Penyelidik	106
6.6	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertimbangan Subjek Sehubungan Masalah Usaha Berterusan Firma	107
6.7	Jenis Pendapat Audit Subjek Dengan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Usaha Berterusan	108
6.8	Hubungan Antara Jenis Pendapat Audit mengikut Piawai Audit, Persetujuan Subjek Tentang Pendapat Usaha Berterusan Dan Persetujuan Subjek Tentang Jenis Pendapat Audit Yang Dikeluarkan	113
6.9	Pengujian Serentak	125
6.10	Perbandingan Purata Petunjuk Kewangan Hubungannya Dengan Pendapat Usaha Berterusan	125
6.11	Perbandingan Purata Jenis Bukti Hubungannya Dengan Pendapat Juruaudit Mengenai Usaha Berterusan	126
6.12	Perbandingan Purata Jenis Penzahiran Hubungannya Dengan Persetujuan Opini Usaha Berterusan	128
6.13	Perbandingan Purata Antar Kelompok Interaksi (Penunjuk Kewangan Dengan Jenis Bukti)	132
6.14	Perbandingan Purata Antar Kelompok Interaksi (Jenis Bukti Dengan Jenis Penzahiran)	135
6.15	Perbandingan Purata Antara Kelompok Interaksi (Penunjuk Kewangan Dengan Jenis Penzahiran)	137

6.16	Hasil Perbandingan Purata Antara Kelompok Interaksi (Penunjuk Kewangan, Jenis Bukti Dengan Jenis Penzahiran)	144
6.17	Korelasi Jawapan Subjek Mengikut Kes	166
6.18	Kesahihan Antara Penilai Didalam Kumpulan	146
6.19	Ringkasan Hipotesis Dan Dapatan kajian	148

SENARAI RAJAH

Rajah

2.1	Carta Aliran Jenis Pendapat Audit yang boleh dikeluarkan berdasarkan SA 341	28
3.1	Model Lensa	54
4.1	Kerangka Teori	61
6.1	Hubungan Antara Jenis Pendapat Subjek Dengan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Usaha Berterusan	121
6.2	Interaksi Antara Penunjuk Kewangan Dengan Jenis Bukti	131
6.3	Interaksi antara Jenis Bukti dan Penzahiran	134
6.4	Interaksi Antara Penunjuk Kewangan Dengan Jenis Penzahiran	137
6.5a	Interaksi Antara Penunjuk Kewangan Dengan jenis bukti dan Jenis Penzahiran	139
6.5b	Interaksi Antara Penunjuk Kewangan Dengan jenis bukti dan Jenis Penzahiran	140
7.1	Hubungan Antara Jenis Pendapat Subjek Dengan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Usaha berterusan	159

PENGHARGAAN

Puji syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, kerana dengan segala redanya saya dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini. Ucapan terima kasih setinggi tingginya saya ucapkan kepada Professor Madya Dr. Hasnah Haron selaku penyelia utama kerana walaupun dalam kesibukan, beliau dengan penuh kesabaran membimbing, mengulas, dan memberikan pandangan dan tunjuk ajar dari awal lagi proses disertasi sehingga pada tahap keakhir penyelesaian disertasi ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Prof Dr. Mahfooz A. Ansari selaku penyelia bersama yang banyak membantu di dalam analisis data.

Ucapan terimakasih pula kepada Prof. Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim selaku Dekan Pusat Pengajian Pengurusan dan Professor Madya Dr. Yusserrie Zainudin, serta Professor Madya Dr. Ishak Ismail yang memberikan motivasi kepada saya sehingga saya menyelesaikan disertasi ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Nabiha dan Dr. Sofri Yahya di atas komen mereka untuk memperbaiki kajian ini. Seterusnya pula saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Viva Profesor Amir Husin Baharudin.

Kepada kedua ibu bapa tersayang, Alm. Bapak Soetarto, dan Ibu Sarbini Soetarto yang masih sehat saat ini, terimakasih atas segala bimbingan dan doanya selama ini. Mereka menyedarkan saya bahawa ilmu lebih berharga dari harta kekayaan. Penghargaan juga diberikan kepada kekanda, Prof. DR. IR., MSc Widi Agoes Pratikto dan kepada seluruh keluarga Magelang. Secara khusus kepada isteri tersayang Rini Sulistyowati terima kasih kerana mendoakan agar Allah memberikan kesihatan dan kekuatan untuk menyelesaikan pendidikan saya. Kepada anak-anak yang dikasihi, Widi, Nina, Aditya terima kasih kerana memahami kesibukan saya dan mendoakan kesihatan saya semasa di Malaysia.

Tanpa bantuan Ikatan Akauntan Indonesia (IAI) dan Kompartemen Akauntan Awam, tidak mungkin saya boleh meneruskan kajian ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya, khususnya kepada Ketua IAI-

KAP, Ibu Dra Tia Adityasih dan Setiausahanya Ibu Dra, Ika Moeslimah, yang turut meminta bantuan rakan-rakan Akauntan Awam (CPAs) untuk meluangkan sedikit masa untuk menjadi subjek eksperimen kajian yang dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Ketua Badan Pengawas Pasar Modal (BAPEPAM), Bapak Drs. Herwidayatmo, Master of Business Administration (MBA), dan Bapak Drs Wahyu Hidayat, Magister Manajemen (MM) selaku Setiausaha BAPEPAM, yang telah membantu mendapatkan juruaudit dari Akauntan Awam dan Pejabat Akauntan Awam untuk menjadi subjek eksperimen kajian ini.

Kepada rakan-rakan dari Firma Akauntan Awam yang menjadi subjek eksperimen kajian ini dan juga membantu dalam penyediaan 12 senario kes iaitu rakan-rakan akauntan awam KAP Prasetio, Sarwoko & Sanjaya dari firma audit Ernst & Young; KAP Haryanto Sahari & Rakan dari firma audit PriceWaterhouseCoopers dan KAP Tans Tuanakota Mustofa & Halim dari firma audit Deloitte Tohmatsu. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pak Alwi Syahri, Pak Yusuf, Pak Mustofa; rakan-rakan Pak Joachim Sulisty; Hadori & rakan dari HLB International; Pak Darmadji dari KAP Doli; Bambang & Sudarmadji dari BKR International; Ali Rahmadi dari KAP; Jimmi Budi dari Moores & Rowland; dan tidak lupa juga terima kasih kepada Gonthor dari Bapepam dan Kris, Tarigan dari UTY.

Seterusnya ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan Akauntan Awam iaitu Pak Sapto Amal Damandari; Drs Sayuti Gozali; Drs. Rachmad Wahyudi, Dr. A.H. Puspowarsito, MBA; Dr. Kumala Hadi; Drs. Henry Susanto, Drs. Hadiono; Dr Emita; Drs. Rusmin, MBA yang pada masa itu adalah mahasiswa Curtin University of Technology, Perth yang banyak membantu mencari karya-karya yang diperlukan. Terima kasih saya juga diberikan kepada Dr. Eko Suwardi dari Queensland University of Technology, Brisbane, Australia yang juga membantu mencari karya yang diperlukan dan Fauzan yang turut membantu mencari karya menerusi laman internet.

Yang tidak lupa dan tak akan pernah saya lupakan adalah jasa jasa mereka yang menghantar dan menyokong saya untuk melanjutkan pengajian saya di

Pusat Pengajian Pengurusan USM, Malaysia. Mereka yang saya maksudkan ialah Bp. Professor Dr. Bambang Sudibyo, MBA Akt dan isteri; Almarhum Dr. Nur Indriantoro, yang selalu memberi sokongan dan menemani saya ke beberapa Universiti di Amerika Syarikat serta Bapak-Bapak dan Ibu dari Yayasan.

Terimakasih saya ucapkan pula kepada rakan-rakan dari Fakultas Ekonomi UTY seperti Dr. Trigunarsih, dan rakan-rakan lainnya seperti Pak Dr. Adnan dan Pak Wahyudi yang selalu memberi sokongan melalui doa-doanya.

Secara khusus pula saya ucapkan terimakasih kepada Bapak Dr. Gudono dari FE UGM dan Pak Drs. Priyo Sajarwo Yurianto, M.Si., Akt yang memberikan pendapat bagaimana cara yang terbaik sekali untuk menyediakan penulisan saya. Terima kasih saya juga kepada Prof. Dr. Imam Ghozali dari FE UNDIP yang membantu sebagai field supervisor, Prof. Dr. Ariffin, dan terima kasih khususnya kepada DR. Dicky, Fakultas Psikologi UGM, dr. Danarto, Sp.B, Sp.U dan Ibu Danarto. Kepada Dr. M. Nasir, Pak Giarto, Pak Priyo yang selalu menemani dalam kedukaan dan terimakasih kepada Pak Ali Djamhuri dari FE Brawijaya, Dr. Galumbang dan Pak Buyung yang selalu memberi sokongan untuk meneruskan pengajian.

Kepada Eva Susanti, SE saya berterimakasih kerana membantu di dalam penyediaan perkara perkara dan bekalan yang diperlukan semasa akan berangkat ke Malaysia dari tiket, ubat-ubatan, dan sudi menerima panggilan telefon pada bila-bila masa pun.

Terima kasih kepada Yayasan Dharma Bhakti IPTEK, terutamanya kepada Bapak Martono, dan Pak Iskandar. Seterusnya pula saya ucapkan terimakasih kepada Universiti Teknologi Yogyakarta khususnya Fakulti Ekonomi Program Studi Perakaunan, kepada Pak Bambang Murtono yang selalu menemani saya pergi dan pulang dari Yogyakarta ke Jakarta untuk mengumpulkan data dalam pelaksanaan setting subjek eksperimen.

FACTORS INFLUENCING THE AUDITOR OPINION OF GOING CONCERN PROBLEM

ABSTRACT

The objective of the study is to identify whether financial indicator, type of evidence and disclosure will have an influence on the auditors' going concern opinion. Financial indicator comprise of three levels: strong, moderate and weak. Type of audit evidence comprise of two levels: positive and negative whilst disclosure comprise of two levels: exist or does not exist. The research makes use of 3 x 2 x 2 "between subjects" quasi experiment, factorial design.

A total of 360 auditors took part in the research. Data was collected after the workshops or conferences have ended. These events were conducted by Institut Akuntan Indonesia (IAI). Subjects that participated in the study comprise of those with 3 years or more of audit experience and are members of IAI. Collection of data had to be done several times to obtain the 360 subjects required. Each subject was given only one case and the assignment of the case to the respondents were done randomly. Each case comprises of the three different factors at varying levels and the number of cases used in the research is 12. Respondents comprise of those from Jakarta, Semarang, Yogyakarta, Bandung and Surabaya.

Data from 33 respondents could not be used as it does not fulfill some requirements of the study and as a result the study uses data from 327 respondents only. GLM UNIANOVA and spearman correlation were used to test the research hypotheses. Findings of the study showed that all the three factors tested (financial indicator, types of evidence, and disclosure) showed a significant main and interaction effect on the going concern opinion issued by the auditor.

For case number 12, which is the case with weak financial indicator, negative type of evidence and absence of disclosure, subjects strongly agreed to issue a going concern opinion. Average value of their rating was 4.85 on a likert scale of 1 (strongly disagree) to 5 (strongly agree). Subjects also agreed to issue an adverse opinion on the case, which is the worst audit opinion out of the five audit opinions that can be issued by an auditor.

For case number 1, which is the case with strong financial indicator, positive type of evidence and presence of disclosure, subjects strongly disagreed to issue a going concern opinion. Average value of their rating was 1.42 on a likert scale of 1 (strongly disagree) to 5 (strongly agree). Subjects also agreed to issue a clean opinion on the case, which is the best audit opinion out of the five audit opinions that can be issued by an auditor.

With this it can be seen that going concern opinion would most probably be connected with the types of audit opinion issued. Level of consensus was found to be high with an average value of greater than 0.70.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENDAPAT JURUAUDIT SEHUBUNGAN DENGAN MASALAH USAHA BERTERUSAN

ABSTRAK

Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti apakah faktor petunjuk kewangan, jenis bukti dan penzahiran mempengaruhi pendapat masalah usaha berterusan yang dikeluarkan oleh juruaudit. Petunjuk kewangan terdiri dari tiga tahap: kuat, sederhana dan lemah. Jenis bukti terdiri dari dua tahap: positif dan negatif sementara penzahiran terdiri dari dua tahap: wujud atau tidak. Kajian menggunakan rekabentuk faktorial $3 \times 2 \times 2$, separa eksperimen "diantara subjek".

Seramai 360 juruaudit mengambil bahagian di dalam kajian ini. Pengutipan data dilakukan selepas berakhirnya sesuatu workshop atau seminar. Acara acara ini dianjurkan oleh Institut Akuntan Indonesia (IAI). Subjek yang mengambil bahagian di dalam kajian terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman audit 3 tahun atau lebih, dan adalah ahli IAI. Kutipan data perlu dilakukan beberapa kali untuk mendapatkan 360 subjek tersebut. Setiap subjek diberikan satu kes sahaja dan pengagihan kes kepada subjek dilakukan secara rawak. Setiap kes mengandungi ketiga-tiga faktor pada tahap yang berbeza-beza dan jumlah kes yang digunakan untuk menjayakan kajian ini ialah 12. Subjek responden terdiri sebahagian besarnya dari Jakarta, Semarang, Yogyakarta, Bandung dan Surabaya.

Data daripada 33 subjek tidak boleh digunakan kerana tidak mematuhi syarat kajian dan dengan ini data yang boleh digunakan hanyalah data dari 327 responden sahaja. *GLM UNIANOVA* dan *spearman correlation* digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor, petunjuk kewangan, jenis bukti dan penzahiran mempunyai kesan "utama" (*main effect*) dan "interaksi" (*interaction effect*) yang signifikan ke atas pendapat masalah usaha berterusan yang dikeluarkan oleh juruaudit.

Bagi kes nombor 12, iaitu kes yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah, bukti jenis negatif dan tidak wujudnya penzahiran, subjek paling bersetuju mengeluarkan pendapat masalah usaha berterusan dengan nilai purata 4.85 pada skala likert 1(sangat tidak bersetuju) hingga 5(sangat bersetuju). Bagi kes ini juga, subjek bersetuju mengeluarkan pendapat audit berlawanan yang merupakan jenis pendapat audit yang paling buruk dari lima jenis laporan audit yang boleh dikeluarkan oleh juruaudit.

Bagi kes 1 pula, yang mempunyai kedudukan kewangan yang kuat, bukti yang positif serta wujudnya penzahiran, subjek paling tidak bersetuju untuk mengeluarkan pendapat usaha berterusan dengan nilai purata 1.42 pada skala likert 1(sangat tidak bersetuju) hingga 5 (sangat bersetuju). Bagi kes ini juga, subjek bersetuju mengeluarkan pendapat bersih, iaitu jenis pendapat audit yang paling baik dari lima jenis laporan audit yang boleh dikeluarkan.

Pendapat masalah usaha berterusan dimungkinkan mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan jenis pendapat audit yang dikeluarkan. Tahap konsensus juruaudit dikalangan juruaudit didapati tinggi dengan nilai purata melebihi 0.70.

BAB I PENDAHULUAN

1.0. Latar Belakang

“Usaha berterusan” merupakan andaian asas iaitu entiti akan menjalankan operasinya secara berterusan atau selamanya tanpa adanya kemungkinan untuk dibubarkan (Mautz & Sharraf, 1993). Piawai pengauditan di Indonesia mengenai andaian usaha berterusan (*going concern*) yang sama dengan SAS 59 ialah SA 341 (IAI, 1994) menyebutkan bahawa, dalam tempoh perakaunan (1 tahun), jika juruaudit percaya bahawa terdapat banyak keraguan tentang hayat entiti, dia harus memperolehi maklumat tentang adanya usaha pihak pengurusan yang dapat mengurangkan sebarang keraguan terhadap kebolehan entiti meneruskan perniagaan serta menilai kemungkinan usaha tersebut dapat diterapkan secara efektif.

Menurut Johnson (1971), pertimbangan ialah proses berfikir yang dimulakan dengan menyiapkan beberapa alternatif, dan selanjutnya salah satu dari alternatif tersebut kemudiannya akan dipilih sebagai alternatif terbaik yang menyokong proses pengambilan keputusan. Pertimbangan audit merupakan proses kognitif (Trotman, 1997). Proses kognitif ini banyak mengalami kesulitan pada ketika juruaudit menggunakan pertimbangan dalam masalah yang terstruktur yang mengubah bentuk asli ke dalam bentuk ritual (Mills & Bettner, 1992). Pendekatan ini dikenali sebagai pendekatan *heuristik*. Pendekatan *heuristik*, menunjukkan bahawa juruaudit hanya menganalisis bukti, serta membandingkan kesesuaiannya dengan piawai pendekatan ini bertentangan dengan pendekatan hermeneutik. Sedangkan pendekatan *hermeneutik* menunjukkan juruaudit disamping menganalisis bukti serta membandingkan

dengan piawai, juga mampu memberikan pertimbangan-pertimbangan tambahan sekiranya belum dikenalpasti dalam piawai.

Mautz dan Sharaf (1993) menyatakan bahawa pendapat audit yang dikeluarkan juruaudit itu penting kerana ia dapat memberi perlindungan kepada sesiapa yang membaca dan menggunakan penyata kewangan. Penyata kewangan bertujuan untuk meyakinkan mereka bahawa entiti yang diaudit telah menggunakan piawai perakaunan yang diterima umum dan entiti tidak mengalami masalah untuk meneruskan perniagaannya. Selanjutnya, jika entiti tidak didapati mengikut piawai perakaunan yang diterima umum, ini bermakna bahawa entiti mungkin tidak dapat meneruskan perniagaannya pada masa akan datang (SAS 59).

Mutchler (1984) mahupun Beaver (1966) mendapati bahawa petunjuk kewangan seperti yang disarankan SAS 34 merupakan faktor yang signifikan dalam meramalkan pendapat juruaudit berhubungan dengan masalah usaha berterusan. Citron dan Taffler (1992), juga mendapati bahawa keadaan kewangan sesebuah entiti yang lemah kekuatannya memungkinan memperoleh pendapat bersyarat kerana ia berkemungkinan besar tidak mampu untuk meneruskan perniagaannya.

Charmichael (1974) dalam Charmichael dan Pany (1993), menyebut pentingnya mempertimbangkan bukti-bukti yang dapat mengurangkan masalah usaha berterusan yang dihadapi oleh entiti. Mutchler (1984) menyatakan bahawa ada dua jenis bukti yang mempengaruhi keputusan juruaudit dalam mengeluarkan pendapatnya, iaitu bukti positif dan bukti negatif. Bukti positif ialah faktor yang dapat mengurangi bukti negatif yang mempersoalkan sama ada entiti boleh meneruskan perniagaannya secara berterusan.

Behn, Steven dan Kip (2001) mendapati bahawa juruaudit mengambil kira usaha pihak pengurusan di dalam menangani masalah hutang dan ekuiti entiti untuk menentukan sama ada entiti mengalami masalah usaha berterusan . Hasil ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Chen dan Church (1992).

Dalam pengauditan, penzahiran merupakan maklumat tambahan kepada data kewangan yang dilaporkan (Mautz & Sharraf, 1985). Menurut Scot (1997), penzahiran diperlukan oleh piawai perakaunan dan entiti perlu menyampaikan semua maklumat sama ada yang baik mahupun yang buruk yang telah terjadi di sepanjang tempoh perakaunan.

Menurut SAS 59, juruaudit harus menzahirkan dengan mencukupi bagaimana pihak pengurusan telah menyusun strategi untuk mengatasi masalah kewangannya yang menjadi punca masalah usaha berterusan entiti, keadaan atau kejadian yang menimbulkan keraguan usaha berterusan tersebut, persetujuan pengurusan ke atas keadaan atau kejadian yang signifikan, dan pendapat pengurusan tentang kesulitan entiti untuk meneruskan perniagaanya (atau mengatasi masalah usaha berterusannya).

Haron (1996), Libby dan Lewis (1982), Pincus (1990), Meixner, dan Welker (1988) menyatakan bahawa juruaudit perlu menilai pencapaian entiti di dalam membuat pertimbangan dan keputusan-keputusan lain yang berkaitan.

Campisi. dan Trotman (1985) mendapati bahawa juruaudit akan mencapai tingkat konsensus yang lebih tinggi ketika mengeluarkan pendapat mengenai usaha berterusan jika dibandingkan ketika juruaudit mengeluarkan pendapat bersyarat.

Di Indonesia, isu tentang laporan pengauditan dan kaitannya dengan masalah usaha berterusan telah timbul selepas tahun 1995, iaitu bermula dengan kejatuhan Bank Summa, walaupun bank tersebut memperoleh laporan audit bersih. Pada tahun 1997, apabila terjadinya krisis ekonomi, persoalan audit dalam masalah usaha berterusan menjadi persoalan yang sangat penting di Indonesia. Sebagai bukti pada tahun 1997, empat belas entiti yang pada tahun sebelumnya mendapat laporan bersih, tetapi pada tahun berikutnya menjadi muflis. Pada tahun 1998, lima belas entiti yang sebelumnya mendapat laporan bersih telah mengalami kemuffisan pada tahun berikutnya (<http://www.Bapepam.go.id>).

Kualiti audit laporan kewangan yang dibuat oleh juru audit akhir-akhir ini menjadi perhatian masyarakat. Dalam hal ini banyak pihak menyatakan bahawa kesalahan pemberian pendapat juru audit adalah disebabkan oleh kesilapan mengeluarkan pertimbangannya dan semata-mata diakibatkan oleh keadaan krisis ekonomi. Salah satu contohnya adalah pernyataan Menteri Negara PPN/Kepala Bapenas, yang menyaki adanya sejumlah pejabat Akauntan besar yang melakukan manipulasi data di Badan Penyehatan Perbankan Nasional (BPPN) (Edo, 2002). Bukti lainnya adalah dengan meneliti tindakan Majlis Kehormatan Ikatan Akauntan Indonesia (IAI) ke atas sepuluh Pejabat Juruaudit yang tidak mengikut peraturan. Kesemua sepuluh Pejabat Juruaudit tersebut tidak mengenalpasti sama ada secara sengaja atau tidak kedudukan kewangan syarikat. Pejabat Juruaudit tersebut disyaki melakukan kesilapan tersebut semasa mengaudit bank-bank yang dibubarkan pada tahun 1998 (Winarto 2002).

Fenomena tersebut menunjukkan bahawa laporan audit terutamanya yang berkenaan dengan pendapat juruaudit tentang usaha berterusan belum dapat mencerminkan keadaan entiti yang sebenarnya. Kemungkinan besar perkara ini berlaku adalah kerana juruaudit kurang cermat dalam mengeluarkan pendapatnya sama ada sesebuah entiti itu boleh meneruskan perniagaannya. Berasaskan huraian di atas, maka kajian mengenai isu atau permasalahan tersebut masih perlu dilakukan.

1.1. Perumusan Masalah

Keputusan yang berkaitan dengan pendapat juruaudit dalam masalah usaha berterusan boleh didapati dalam Piawai Professional Akauntan Awam (SPAP) No.340 tahun 1994 (IAI), yang menyatakan bahawa juruaudit harus memberikan pertimbangan mengenai masalah usaha berterusan sesebuah entiti berdasarkan 3 faktor. Faktornya ialah: (1) petunjuk kewangan entiti, (2) jenis bukti yang diberikan, dan (3) kewujudan penzahiran. Ketiga-tiga faktor ini boleh membantu juruaudit meramal sama ada sesuatu entiti itu mengalami masalah usaha berterusan (atau masalah untuk meneruskan perniagaannya). Namun begitu, fenomena yang terjadi pada hari ini menunjukkan bahawa kecermatan pertimbangan juruaudit dalam masalah usaha berterusan masih jauh daripada yang diharapkan (McKeown, Mutchler & Hopwood, 1991a). Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal bab ini, secara implisitnya wujud bukti bahawa juruaudit kurang memerhatikan ketiga-tiga faktor tersebut (iaitu petunjuk kewangan entiti, jenis bukti yang diberikan, dan kewujudan penzahiran) dalam membuat pertimbangan tentang usaha berterusan sesebuah entiti. Perkara itu telah terbukti dengan banyaknya entiti yang

sebelumnya dinyatakan tidak bermasalah dalam meneruskan perniagaannya dan telah dikeluarkan laporan bersih, tetapi telah menjadi mufliis pada tahun berikutnya ([http://www Bapepam.go.id](http://www.Bapepam.go.id)). Ketidackermatan tersebut berlaku kerana pelbagai sebab dan diantaranya ialah : (1) juruaudit tidak begitu menitikberatkan ketiga-tiga faktor tersebut, (2) juruaudit kurang pengalaman, dan (3) tidak adanya konsensus dikalangan juruaudit tentang kriteria yang harus di amati untuk menentukan sama ada sesuatu entiti tersebut mengalami masalah usaha berterusan (Bazerman, Loewenstein, Tanlu & Moore, 2002).

Dalam piawai Profesional Akauntan Awam, (SPAP) No.340 tahun 1994, ketiga-tiga faktor tersebut tidak dipertimbangkan “secara serentak” di dalam menilai kemampuan sesebuah entiti sama ada ia mengalami masalah usaha berterusan atau masalah untuk meneruskan perniagaannya walaupun kajian terdahulu telah membuktikan pengaruh setiap faktor tersebut secara individu ke atas masalah usaha berterusan sesebuah entiti (Altman, 1968; Mutchler, 1985; Kida, 1985; Chen & Church,1992).

Penelitian kajian terdahulu menunjukkan pengaruh ketiga-tiga faktor ke atas pendapat usaha berterusan (*judgement on going concern*) belum pernah dijalankan. Apatah lagi untuk meneliti pengaruh ketiga-tiga faktor tersebut “secara serentak” ke atas pendapat usaha berterusan. Berasaskan alasan ini, kajian ini akan meneliti pengaruh serentak ketiga-tiga faktor tersebut ke atas pertimbangan juruaudit di dalam menentukan masalah usaha berterusan sesebuah entiti. Kajian juga akan menentukan sama ada konsensus wujud dikalangan juruaudit yang membuat keputusan ini.

1.2. Persoalan Kajian

Berasaskan huraian yang telah dilakukan, persoalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

1. Adakah keadaan kewangan merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pertimbangan juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan?
2. Adakah jenis bukti merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pertimbangan juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan?
3. Adakah penzahiran merupakan faktor penting dalam mempengaruhi pertimbangan juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan?
4. Adakah terdapat interaksi 2 hala dan 3 hala ke atas pengeluaran pendapat usaha berterusan?
5. Adakah terdapat konsensus dikalangan juruaudit mengenai pengeluaran pendapat usaha berterusan?

1.3. Objektif Kajian

Penyelidik merumuskan objektif kajian seperti berikut:

- a) Menentukan pengaruh faktor kewangan ke atas pendapat juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan.
- b) Menentukan pengaruh jenis bukti ke atas pendapat juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan.
- c) Menentukan pengaruh penzahiran ke atas pendapat juruaudit sehubungan dengan pengeluaran pendapat usaha berterusan.

- d) Menentukan sama ada wujud interaksi 2 hala dan 3 hala ke atas pendapat usaha berterusan
- e) Menentukan sama ada wujud konsensus dikalangan juruaudit di dalam mengeluarkan pendapat usaha berterusan.

1.4. Kepentingan Kajian

“Usaha berterusan” merupakan salah satu andaian yang dituntut di dalam perakaunan kewangan. Jika sesebuah entiti memenuhi andaian ini, maka entiti tersebut perlu menyediakan penyata kewangan. Jika entiti tidak memenuhi andaian ini (atau mengalami masalah usaha berterusan), maka pihak pengurusan perlu menzahirkan perkara ini di dalam penyata kewangan. Daripada kacamata seorang juruaudit pula, ia perlu menentukan sama ada sesebuah entiti mengalami masalah “usaha berterusan” atau masalah untuk meneruskan perniagaannya dalam tempoh masa satu tahun atau satu tempoh perakaunan. Dengan lain perkataan, jika diandaikan entiti mempunyai tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember 2005, juruaudit perlu meneliti sama ada entiti tersebut mampu meneruskan entitinya selama satu tempoh perakaunan yang akan datang, iaitu sehingga tempoh perakaunan yang berakhir pada 31 Disember 2006. Pertimbangan juruaudit ini akan mempengaruhi keputusannya di dalam menentukan “jenis laporan audit” yang akan dikeluarkan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang lebih terperinci untuk memahami pengaruh ketiga-tiga faktor (petunjuk kewangan, jenis bukti yang diberikan, kewujudan penzahiran) ke atas pertimbangan juruaudit mengenai usaha berterusan sesebuah entiti. Kajian ini akan menentukan

model pertimbangan juruaudit berhubung dengan masalah usaha berterusan. Model tersebut akan dapat diajukan kepada badan profesion perakaunan di Indonesia.

1.5. Sumbangan Kajian

Kajian ini dapat menyumbangkan kepada literatur perakaunan dengan menunjukkan bukti empirikal sama ada wujud atau tidak pengaruh antara petunjuk kewangan, bukti, dan penzahiranke atas pertimbangan juruaudit dalam masalah usaha berterusan. Kajian menggunakan reka bentuk separa eksperimen (*quasi experiment*) sebagai kaedah kajian.

Bagi pemegang amanah, kajian ini dapat memberi bukti bahawa terdapat konsensus dikalangan juruaudit dalam mempertimbangkan faktor kewangan, bukti dan penzahiran di dalam mengeluarkan pertimbangan mereka sama ada entiti boleh meneruskan operasinya atau tidak.

Bagi Ikatan Akauntan Indonesia, hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan untuk penambahbaikan dan pembentukan piawai pengauditan dan kaitannya dengan pertimbangan usaha berterusan.

Bagi Badan Pengawas Pasar Modal (selaku pengawas bagi entiti yang turut aktif dalam pasar modal, dan pengawas juruaudit yang melakukan pemeriksaan entiti tersebut), kajian ini akan memberikan sumbangan terutama mengenai penentuan kualiti pertimbangan juruaudit dalam membuat laporan audit yang berkaitan dengan usaha berterusan.

1.6. Istilah Utama

Istilah utama yang digunakan di dalam tesis ini akan disenaraikan untuk memudahkan pembacaan.

- (1) **Badan Pengawas Pasar Modal (BAPEPAM)** adalah badan regulatori yang dibentuk oleh pemerintah Indonesia yang mempunyai fungsi utama mengawasi dan mengatur mekanisme Pasar Modal (<http://www.Bapepam.go.id>).
- (2) **Ikatan Akauntan Indonesia (IAI)** adalah lembaga perkumpulan profesion Akauntan yang dibentuk secara sukarela oleh para profesion Akauntan, dan tugas utamanya adalah membentuk piawai dan melakukan pengawasan terhadap para anggota profesion tersebut (www.Akauntan-IAI.co.id).
- (3) **Subjek** adalah individu yang telah bersedia untuk mengikuti eksperimen secara sukarela, dan bersedia untuk menjalankan rawatan eksperimen sebagaimana yang telah disepakati (Cooper & Schlinder 2003).
- (4) **Rawatan (*Treatment*)** adalah tugas yang harus dijalankan oleh subjek pada masa prosedur eksperimen dijalankan (Cooper & Schlinder 2003).
- (5) **Separu Eksperimen (*Quasi Experiment*)** adalah suatu kaedah penyelidikan yang menggunakan pendekatan setengah eksperimen. Dalam perkara ini yang dimaksud setengah eksperimen adalah penyelidikan dilakukan dengan pendekatan kuesioner, tapi para subjek dikendalikan sedemikian rupa sehingga seolah-olah dilakukan dalam lingkungan experiment (Cooper & Schlinder 2003).
- (6) **Laporan audit bersih** adalah pendapat yang dikeluarkan oleh juruaudit apabila audit telah dilaksanakan sesuai dengan Piawai Audit, dan persembahan penyata kewangan telah sesuai dengan prinsip perakaunan

yang diterima umum.

(http://www.akuntanpublik.org/standard/standard_pap.html).

(7) **Laporan audit bersih bermodifikasi** adalah laporan audit bersih dengan perenggan penjelas.

(http://www.akuntanpublik.org/standard/standard_pap.html).

(8) **Laporan audit bersyarat** adalah pendapat yang dikeluarkan oleh juruaudit ketika tidak ditemukannya bukti audit yang cukup mendukung ataupun lingkup audit dibatasi, tetapi tidak mempengaruhi keabsahan penyata kewangan secara keseluruhan.

(http://www.akuntanpublik.org/standard/standard_pap.html).

(9) **Laporan audit menafikan** adalah laporan pendapat juruaudit apabila terdapat pembatasan di dalam juruaudit menjalankan tugasnya baik yang dibataskan oleh klien ataupun keadaan tertentu atau juruaudit merragui dapat mengekalkan kebebasannya dalam melaksanakan audit.

(http://www.akuntanpublik.org/-standard/standard_pap.html).

(10) **Laporan audit berlawanan** adalah laporan audit yang menyatakan bahawa penyata kewangan entiti tidak disajikan adil dan saksama sesuai dengan prinsip perakaunan yang diterima umum.

(http://www.akuntanpublik.org/-standard/standard_pap.html).

(11) **Pendapat usaha berterusan** adalah hasil pertimbangan juruaudit tentang faktor kewangan, bukti dan penzahiran sesebuah entiti. Hasil pertimbangan atau penilaian faktor tersebut akan menghasilkan pendapat usahaberterusan.

(http://www.akuntanpublik.org/standard/standard_pap.html).

(12) **Pendapat audit usaha berterusan** adalah jenis-jenis pendapat audit

seperti pendapat audit bersih bermodifikasi, bersyarat, menafikan dan berlawanan mengenai usaha berterusan entiti. (http://www.akuntanpublik.org/-standard/standard_pap.html).

(13) **Pejabat Akauntan Awam (KAP)** adalah entiti Perakaunan Awam yang tugas utamanya ialah memberikan perkhidmatan pengauditan penyata kewangan serta perkhidmatan lainnya, contohnya percukaian, perundingan, dan lain-lain (http://www.akuntanpublik.org/standard/standard_pap.html).

1.7. Ringkasan

“Usaha berterusan” merupakan andaian asas bahawa entiti akan menjalankan operasinya secara terus-menerus atau selamanya tanpa adanya kemungkinan untuk dibubarkan. Kajian terdahulu telah meneliti pengaruh ketiga-tiga faktor (petunjuk kewangan, jenis bukti yang diberikan, dan kewujudan penzahiran) ke atas pertimbangan juruaudit mengenai usaha berterusan entiti. Kebanyakan penemuan kajian menunjukkan bahawa setiap faktor mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pendapat juruaudit mengenai usaha berterusan. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada satu kajian pun yang meneliti pengaruh ketiga-tiga faktor tersebut secara serentak dan interaksi mereka ke atas pendapat usaha berterusan juruaudit.

Perbezaan pertimbangan juruaudit dalam membuat pendapat terhadap situasi usaha berterusan kemungkinan besar terjadi. Tahap perbezaan pertimbangan juruaudit tersebut dapat dikurangkan dengan adanya konsensus dikalangan juruaudit.

BAB II SOROTAN KARYA

2.0. Pendahuluan

Dalam bab ini akan dijelaskan definisi usaha berterusan, penerangan tentang piawai pengauditan sehubungan dengan andaian usaha berterusan, pertimbangan juruaudit di dalam masalah usaha berterusan sesebuah entiti, jenis laporan audit yang boleh dikeluarkan sehubungan masalah usaha berterusan entiti, faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan usaha berterusan juruaudit dan diakhiri dengan hasil-hasil kajian terdahulu mengenai usaha berterusan.

2.1. Sejarah Perkembangan Kerjaya Akauntan Di Indonesia

Pada masa kemerdekaan, hanya terdapat seorang Akauntan pribumi sahaja yang ada di Indonesia, iaitu Prof. Dr. Abutari. Setelah kemerdekaan wujud seorang lagi akauntan iaitu Prof. Soemardjo yang lulus pendidikan Akauntan di negeri Belanda pada tahun 1956 (<http://www.iaiglobal.or.id/org>).

Akauntan-Akauntan Indonesia pertama lulusan dalam negeri adalah Basuki Siddaset, Hendra Darmawan, Tan Tong Djoe, dan Go Tie Siem, yang lulus pertengahan tahun 1957. Keempat-empat Akauntan ini bersama dengan Prof. Soemardjo mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu kumpulan akauntan yang terdiri daripada rakyat Indonesia sahaja. Alasannya, mereka tidak mungkin menjadi ahli NIVA (Nederlands Institute Van Accountants) atau VAGA (Vereniging Academisch Gevormde Accountants). Mereka berpendapat tidak mungkin kedua-dua badan perakaunan yang ada itu akan memikirkan tentang perkembangan dan pembangunan Akauntan di Indonesia.

Pada hari Kamis, 17 Oktober 1957, kelima – lima akauntan tersebut mengadakan pertemuan di aula Universitas Indonesia (UI) dan bersepakat untuk menubuhkan satu kumpulan Akauntan Indonesia. Pertemuan tersebut tidak dihadiri oleh semua Akauntan yang ada. Dengan ini diputuskan untuk membentuk satu jawatan kuasa Adhoc bagi membentuk Persiapan Pendirian Perkumpulan Akauntan Indonesia. Jawatankuasa tersebut diminta menghubungi Akauntan lainnya untuk bertanyakan pendapat mereka. Dalam jawatan kuasa adhoc tersebut Prof. Soemardjo dilantik sebagai pengetua, Go Tie Siem sebagai penulis, Basuki Siddaset sebagai bendahari, dan Hendra Darmawan dan Tan Tong Djoe sebagai pengarah.

Surat yang dihantar oleh Panitia kepada enam (6) Akauntan yang lainnya memperoleh jawapan setuju (<http://www.iaiglobal.or.id/organisasi/profil.html>).

Perkumpulan yang akhirnya diberi nama Ikatan Akauntan Indonesia (IAI) akhirnya ditubuhkan pada 23 Desember 1957, yaitu pada pertemuan ketiga yang diadakan di Universiti Indonesia (UI).

Prof. Dr. Abutari, Tio Po Tjiang, Tan Eng Oen, Tang Siu Tjhan, Liem Kwie Liang, The Tik Him dilantik sebagai pengasas Ikatan Akuntan Indonesia (IAI).

Konsep Anggaran Dasar IAI yang pertama diselesaikan pada 15 Mei 1958 dan naskah muktamadnya selesai pada 19 Oktober 1958. Menteri Kehakiman mengesahkannya pada 11 Februari 1959.

Tarikh pendirian IAI adalah pada 23 Desember 1957. Ketika itu, tujuan IAI adalah untuk membimbing perkembangan Perakaunan serta mempertingkatkan mutu pendidikan Akauntan, dan juga mutu pekerjaan Akauntan (<http://www.iaiglobal.or.id/organisasi/profil.html>):

Pada tahun 1959-1972, kelayakan mereka yang boleh menyediakan penyata kewangan adalah berasaskan undang undang syarikat Belanda. Pada tahun 1973, IAI mengeluarkan prinsip perakaunan yang pertama. Prinsip perakaunan tersebut merupakan terjemahan prinsip perakaunan yang diterima umum yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 1965.

Pada tahun 1994 disaat IAI mengadakan kongres yang ketujuh, prinsip perakaunan Indonesia mula menggunakan Piawaian Antarabangsa sebagai asasnya menjalankan auditnya. Dewan Piawaian Perakaunan Kewangan (DSAK) telah ditugaskan untuk mengeluarkan piawaian profesional Akauntan Awam untuk membantu firma Audit Awam di Indonesia menjalankan tugas mereka. Pada akhir bulan Jun 2002, ada 57 piawaian Perakaunan Antarabangsa yang telah diguna pakai di Indonesia.

Ahli IAI telah bertambah dari 30 Akauntan pada tahun 1960 dan menjadi 6,899 pada tahun 2005. Butiran terperinci dapat dilihat di Jadual 2.1.

Jadual 2.1
Tahun Dan Bilangan Ahli Akauntan Indonesia Tahun 1960-2005

Tahun	1960	1970	1980	1990	1996	2005
Bilangan ahli	30	513	2,175	3,316	4,839	6,899

Pada tahun 2006, jumlah ahli IAI telah mencecah bilangan seramai 6,899 orang yang terdapat di seluruh Indonesia. Namun demikian, jumlah tersebut masih jauh berkurangan berbanding dengan populasi akauntan iaitu sebanyak 37,000 di seluruh Indonesia.

Jumlah ahli IAI kebanyakannya bekerja dengan kerajaan, disusuli dengan mereka yang bekerja di pejabat juruaudit, dan akhir sekali disusuli dengan

mereka yang bekerja di maktab perguruan tinggi. Dilihat dari umurnya, ahli IAI kebanyakan berada pada usia produktif, yaitu antara 30-50 tahun. Butiran terperinci boleh dilihat di Jadual 2.2.

Jadual 2.2
Umur Dan Bilangan Ahli IAI

Umur	<30th	30-40 tahun	40-50 tahun	>50 tahun
Bilangan ahli	611 (8.86%)	2,673 (38.75%)	1,782 (25.83%)	1,833 (26.57%)

Sebahagian besar ahli IAI memegang jawatan penting di kerajaan, syarikat swasta dan entiti awam. Butiran terperinci jawatan yang dipegang oleh ahli IAI dapat dilihat di Jadual 2.3.

Jadual 2.3
Jawatan Yang Dipegang Oleh Ahli IAI Dan Bilangannya

Jawatan	Bilangan ahli IAI
Pengurus atasan	3,496 (50.67%)
Pengurus pertengahan	2,461 (35.68%)
Pengurus bawahan	851 (12.33%)
Bukan pengurus	91 (1.32%)

Kegiatan Utama Ikatan Akauntan Indonesia (IAI)

Piawaian Perakaunan Kewangan (SAK), adalah piawai yang digunakan oleh Akauntan untuk menyediakan laporan kewangan. Juruaudit pula, menggunakan piawaian ini sebagai garis panduan untuk melaksanakan audit. Penerbitan Piawaian Profesional Juruaudit merupakan panduan utama bagi sesorang juruaudit menjalankan kerja pengauditannya. Juruaudit yang tidak

mematuhi piawaian ini akan dilucutkan keahliannya IAI nya. Dengan ini bermakna ia tidak akan dibenarkan menjalankan pengauditan.

Seperti mana di Malaysia yang mempunyai majalah Profesional perakaunannya yang bertajuk Accountants Today yang diberikan kepada ahli Institut Akuntan Awam di Malaysia, di Indonesia, majalah Media Perakaunan adalah majalah professional perakaunannya yang diterbitkan pada tahun 1994 dan diberi secara percuma kepada ahli IAI dan diterbitkan setiap bulan.

Kelayakan menjadi seorang juruaudit

Sejak 1998, untuk menjadi seorang juruaudit, ia harus lulus ujian sertifikasi juruaudit (USAP). Mereka yang lulus peperiksaan ini akan diberi gelaran “Juruaudit Bersertifikat” (BAP). Selepas mendapat gelaran ini ada syarat lain yang harus dipenuhi sebelum boleh menjalankan kerja kerja pengauditan. Syarat syarat itu adalah ahli BAP perlu mengikuti Pendidikan Profesional Berlanjutan (PPL) untuk meningkatkan dan menjaga kompetensi profesiaonal ahlinya. PPL boleh mengambil bentuk seminar, latihan, bengkel, dan konferens. Topik-topik PPL merangkumi topik perakaunan dan juga topik lain seperti kemahiran berkomunikasi dan pengurusan yang baik.

Setiap ahli perlu mengumpul 120 unit dalam jangka masa 3 tahun. Mereka yang tidak memenuhi jumlah unit ini boleh diberhentikan keahliannya dan dengan ini tidak dibenarkan menjalankan pengauditan. Pada tahun 2006, pemegang gelaran BAP mencecah 461 orang.

Syaratannya Untuk Menjadi Seorang Juruaudit

Sehaluan dengan tujuan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi

nasional dan melindungi kepentingan orang awam, Menteri Keuangan melalui Kepmen No. 423/KMK.06/2002, telah mengeluarkan garis panduan tentang kelayakan yang diperlukan untuk menjadi seorang juruaudit (<http://www.akuntanpublik.org/peraturan/peraturan.html>)

Syarat kelayakan adalah seperti berikut:

1. tidak pernah dilucutkan keahliannya
2. bermastautin di Indonesia dan dibuktikan dengan KartuTanda Penduduk (KTP) atau bukti lainnya sesuai dengan peraturan perundangan-undangan yang berlaku;
3. memiliki nombor pendaftaran sebagai seorang akauntan
4. ahli IAI
5. lulus Ujian Sertifikasi Akauntan Awam (USAP) yang diselenggarakan oleh IAI;
6. memiliki pengalaman kerja dibidang audit selama 1,000 jam dalam tiga tahun terakhir dan sekurang - kurangnya mempunyai 500 jam menjalankan audit yang dijalankan. Ini hendaklah disahkan oleh Pemimpin KAP tempat bekerja.

Kompartemen Akauntan Awam mengeluarkan piawaian bagi memastikan mutu pengauditan terjamin (<http://www.akuntanpublik.org/standard>)

Piawaian Pengauditan

Juruaudit harus mematuhi piawaian pengauditan berikut ini

- a) **Kompetensi Profesional.** Juruaudit mestilah mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan pengauditan.
- b) **Menjalankan tugas dengan berhati-hati.** Juruaudit mestilah

menjalankan kerjanya dengan teliti dan berhati-hati.

- c) **Perancangan dan Penyeliaan.** Juruaudit haruslah menyediakan rancangan audit sebelum sesuatu kerja audit dijalankan dan setiap audit haruslah diselia dengan baik.
- d) **Bukti audit yang relevan dan memadai.** Juruaudit haruslah mengumpul bukti yang boleh dijadikan asas untuk mengeluarkan pendapatnya .

Kepatuhan Dengan PiawaianPengauditan

Juruaudit haruslah mematuhi piawaian pengauditan yang ditetapkan oleh IAI. di dalam memberikan perkhidmatan pengauditan, penyemakan, perundingan, percukaian dan lain-lain kepada entiti pelanggannya.

2.2. Definisi Usaha Berterusan

Usaha berterusan merupakan andaian asas perakaunan, iaitu entiti akan menjalankan operasinya secara terus-menerus atau selamanya tanpa adanya kemungkinan untuk dibubarkan. Mautz dan Sharaf (1993) menjelaskan perakaunan dan pengauditan adalah berasaskan kepada konsep atau andaian usaha. Tujuan ditubuhkan sesebuah entiti ialah supaya ianya bersifat jangka panjang dan bukan bertujuan untuk dibubarkan selepas beroperasi. Pembubaran pada umumnya tidak dikehendaki, dan apa yang diharapkan ialah supaya sesebuah perniagaan kekal di dalam perniagaan (Sterling, 1968). Pembubaran akan berlaku jika entiti yang mengalami usaha berterusan tidak dipantau. Dengan lain perkataan usaha berterusan akan membawa kepada pembubaran entiti.

Andaian usaha berterusan sangat penting kerana jika entiti mengalami masalah ini langkah proaktif pihak pengurusan bagi mengatasi masalah tersebut harus diteliti. Pendapat audit yang dikeluarkan adalah bergantung kepada pertimbangan juruaudit ke atas tahap masalah usaha berterusan yang dialami oleh sesebuah entiti.

Sebenarnya andaian asas usaha berterusan baik pada perakaunan maupun auditing tidaklah berbeza. Andaian asas usaha berterusan pada perakaunan maupun auditing jika dilihat daripada pertanggungjawaban pengurusan, bahawa entiti akan menjalankan operasinya secara terus-menerus. Sedangkan juruaudit tidak mungkin mempunyai tanggungjawab secara kekal, tetapi pertanggungjawaban juruaudit hanya terbatas semasa pemeriksaan penyata kewangan.

2.3. Piawai Pengauditan Terhadap Andaian Usaha Berterusan

Piawai pengauditan yang berkaitan dengan andaian usaha berterusan ialah SA 345, yang dikeluarkan oleh Ikatan Akauntan Indonesia bertarikh 1 Januari 1994. Piawai ini memberikan panduan kepada juruaudit untuk menilai kemampuan entiti dalam mempertahankan kewujudannya mengikut tempoh yang tertentu, iaitu kurang dari satu tahun dari tarikh laporan audit yang dikeluarkan pada tahun lepas. Penilaian juruaudit diasaskan oleh pengetahuannya tentang tujuan menjalankan pengauditan. Jika juruaudit mempercayai bahawa terdapat keraguan *substantial* tentang masalah usaha berterusan yang dialami oleh entiti, dia harus memperoleh maklumat sama ada pihak pengurusan telah mengambil langkah yang tertentu untuk mengurangkan kesan terhadap keraguan tersebut, serta menilai kemungkinan usaha

pengurusan tersebut dapat direalisasikan dengan efektif.

SA 341 menyatakan bahawa juruaudit bertanggungjawab untuk “menilai” adakah terdapat keraguan *substantial* sama ada entiti boleh meneruskan perniagaannya dalam tempoh masa yang singkat atau 1 tahun selepas laporan audit dibuat (SA 341, IAI, 1994).

”Menilai”, bererti juruaudit harus membuat pertimbangan untuk menentukan adakah timbul keraguan yang *substantial* akan kemampuan entiti dalam meneruskan perniagaannya (usaha berterusan). Seterusnya, juruaudit harus membuat pertimbangan dengan meneliti sama ada pihak pengurusan telah mengambil langkah yang efektif untuk mengatasi masalah ini dan sama ada ianya telah dizahirkan di dalam penyata kewangan entiti tersebut.

Peristiwa atau keadaan tertentu yang mengakibatkan timbulnya keraguan yang *substantial* tentang usaha berterusan, secara umum disebabkan adanya kerugian operasi yang berterusan, kekurangan modal kerja, arus keluar masuk wang yang negatif dan nisbah kewangan atau perkara lain yang menunjukkan adanya masalah kewangan, contohnya tidak dapat membayar balik hutang pada waktu yang ditetapkan (SAS 59,1988).

Pertimbangan yang sehubungan dengan usaha pihak pengurusan adalah yang berkaitan dengan unsur-unsur yang dapat mengatasi kesan negatif dari masalah usaha berterusan entiti. Biasanya usaha pihak pengurusan ini adalah berhubung dengan jualan aset pembiayaan semula hutang dan kekurangan modal (SA 341.6, IAI, 1994).

Di samping dua perkara yang tersebut, pertimbangan usaha berterusan juga adalah berkaitan dengan penzahiran maklumat usaha berterusan tersebut. Penzahiran ialah pernyataan maklumat yang berhubung dengan

masalah yang dihadapi oleh entiti dalam meneruskan perniagaannya. Contoh masalah usaha berterusan yang dizahirkan meliputi: (1) rancangan jualan aset, (2) rancangan penstrukturan semula hutang, (3) rancangan pengurangan pengeluaran, dan (4) rancangan menambahkan modal entiti. Penzahiran ini penting kerana ia akan memengaruhi jenis pendapat audit yang akan dikeluarkan. Menurut SA 341, perkara yang perlu dizahirkan di dalam penyata kewangan merupakan:

- (1) Peristiwa atau keadaan yang menimbulkan keraguan *substantial* mengenai masalah usaha berterusan yang dihadapi oleh entiti
- (2) Impak yang mungkin timbul dari keadaan masalah usaha berterusan entiti
- (3) Penilaian pihak pengurusan tentang masalah usaha berterusan tersebut
- (4) Rancangan pihak pengurusan untuk mengatasi masalah usaha berterusan tersebut
- (5) Kemungkinan maklumat tentang masalah usaha berterusan tersebut dapat diatasi.

2.4. Pertimbangan Pengauditan Dalam Meneruskan Perniagaannya

Johnson (1971), mendefinisikan pertimbangan (*judgement*) sebagai berikut:

Judgement is a.....process in that the thinker takes into account the motivational and instructional conditions that initiated the thoughtful episode. The preparisbahn sets up two or more alternatives, between which a choice is made. The alternatives may be perceived from the past or they may be produced...by a creative process.

Kebanyakan tugas audit juruaudit memerlukan memberikan pertimbangan tentang apakah tahap keraguan berhubung dengan usaha berterusan entiti (SAS 59,1988). Proses membuat pertimbangan tersebut pada asasnya tidak mudah, kerana perlu dimulakan dengan pengumpulan bukti berasaskan data dan keadaan yang sebenar yang diterimanya dan harus dikemaskan secara terstruktur berasaskan kaedah-kaedah pengauditan yang tertentu, yang pada akhirnya digunakan sebagai asas menentukan pertimbangan. Menurut Johnson (1971), pertimbangan mengambil kira keadaan pengarah dan motivasi yang merupakan tahap pertama bermulanya sesuatu episod pemikiran. Penyediaan pertimbangan menyediakan dua atau lebih alternatif, dimana pilihan perlu dibuat. Alternatif boleh dihasilkan dari persepsi lepas atau boleh dihasilkan melalui proses yang kreatif.

Pertimbangan mengaudit terutamanya yang berupa proses kognitif (Trotman, 1997) ialah proses yang berhubungan dengan cara seseorang mengingat, berfikir, dan bertindak, memperoleh keterampilan berjelasa serta membuat kesan tentang dunia/alam (Heffernan, 2001). Dengan paradigma ini, tidak ada cara untuk menentukan sama ada sesuatu akaun itu signifikan secara subjektif iaitu berasaskan perasaan. Masalah utama yang timbul dari sejarah merupakan satu kenyataan bahawa juruaudit menggunakan empati dan kognitif didalam membuat sesuatu pertimbangan. Proses ini mengalami hambatan iaitu pada masa juruaudit menggunakan pertimbangan dalam masalah yang terstruktur yang mengubah bentuk asli (dokumen sumber) ke dalam bentuk ritual (format penyata kewangan yang sesuai dengan format yang ditentukan oleh Piawai Audit) (Mills & Bettner, 1992). Secara sepintas lalu juruaudit hanya mencocokkan apakah penyata kewangan telah sesuai dengan

piawai yang ada atau tidak.

Dalam pembuatan pertimbangan juruaudit memerlukan konsensus. Konsensus biasanya dapat meningkatkan ketepatan pertimbangan. Pentingnya konsensus adalah untuk membuktikan bahawa profesional akauntan dengan melalui pengalaman dan latihan akan menghasilkan pendapat yang sama (Haron, 1996). Pertimbangan juruaudit dalam memberikan pandangan dalam meneruskan perniagaannya diperlukan selepas prosedur audit dan pengujian telah dilakukan. Berasaskan semua bukti yang menyokong jumlah dan penzahiran penggunaan prinsip dan anggaran perakaunan, juruaudit akan membuat kesimpulan dan pertimbangannya. Pertimbangan pada entiti bergantung pada hasil mengenal pasti keadaan dan usaha pengurusan, penzahiran usaha berterusan dan pertimbangan yang terakhir dibuat. Piawai antarabangsa ada menyediakan garis panduan tentang beberapa petunjuk risiko kemuffisan, pengurusan pinjaman, dan hasil rapat pemegang saham. Selepas proses pengumpulan bukti, juruaudit akan membuat pertimbangan tentang keadaan entiti dan juga akan mempertimbangkan usaha pengurusan yang akan dilaksanakan pada masa yang akan datang.

2.5. Jenis Pendapat Audit Yang Boleh Dikeluarkan Sehubungan Dengan Masalah Usaha Berterusan

Dalam hubungannya dengan laporan audit dalam meneruskan perniagaannya, menurut SAS 59, beberapa jenis pendapat audit boleh dikeluarkan bergantung kepada sama ada juruaudit menjumpai bukti bahawa pihak pengurusan menunjukkan langkah langkah proaktif bagi mengatasi masalah usaha berterusan tersebut dan sama ada ianya dizahirkan di dalam